



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI  
Aras 7-9, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 4000  
Faks : 03-8889 2212/8889 2215/8889 2216  
03-8889 2300/8889 4516  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA(BPO)(S)256/21/3-2 Jld. 31(q)  
Tarikh : 10 Mei 2010

#### SEGERA/DENGAN FAKS

Setiausaha Agung  
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia  
13 & 15, Jalan Murai Dua  
Kompleks Batu, Off Jalan Ipoh  
51100 KUALA LUMPUR

(u.p.: Puan Lok Yim Pheng)

Tuan,

#### STATUS PPPS BERIJAZAH MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN (KEMAHIRAN HIDUP) UNTUK TUNTUTAN BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL (BIPK)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk surat tuan rujukan (29)/dlm.KPPK(IP)PP 6/(08-11)/(2) bertarikh 3 Mei 2010 mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana dimaklumi, melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 (SPP 17/2007) dan surat edaran JPA rujukan JPA(BPO)(S)256/21/3-2 Klt.24(6) bertarikh 20 Mei 2008, kerajaan telah memaklumkan penetapan skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) (kejuruteraan dan ketukangan) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) (kejuruteraan dan ketukangan) sebagai Perkhidmatan Kritikal. SPP 17/2007 turut menggariskan dasar dan panduan pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) kepada pegawai yang berada dalam skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal.

3. Seterusnya pada tahun 2009, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang berperanan untuk mendidik dan memberi nasihat kepada pengurus sumber manusia mengenai pelaksanaan dasar dan peraturan yang dikeluarkan oleh agensi pusat kepada agensi di bawahnya telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bitangan 4 Tahun 2009 bagi menjelaskan pelaksanaan BIPK kepada PPPS (kejuruteraan dan ketukangan) dan PPPLD (kejuruteraan dan ketukangan) di KPM yang antara lain menyenaraikan mata pelajaran yang layak untuk dipertimbangkan pemberian BIPK (perenggan 5 surat pekeliling perkhidmatan berkenaan). Dalam hal ini, pihak KPM telah menetapkan mata pelajaran bagi bidang ketukangan ialah Elektrik, Elektronik, Penyaman Udara dan Penyejukan, Binaan Bangunan, Automotif, Kimpalan dan Fabrikasi Logam dan Amalan Bengkel Mesin. Dalam hal ini, mata pelajaran Kemahiran Hidup tidak tergolong dalam komponen bidang ketukangan bagi pemberian BIPK.

4. Sehubungan itu, hanya PPPS yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran di perenggan 3 di atas serta memiliki kelayakan akademik yang bersesuaian sahaja yang layak dipertimbangkan pemberian BIPK.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



(NUN BINTI MOHD FAUZI)  
Bahagian Pembangunan Organisasi  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

☎ : 03-8885 4089  
✉ : nun@jpa.gov.my